

B582:

MAHATHIR-UMNO

1982

KUALA LUMPUR, 19 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENEFIKKAN PIHAK YANG MENENTANG UMNO SEMATA-MATA KERANA HENDAK MEMBAKUTKAN TENTANGAN SEBAGAI GOLONGAN YANG TIDAK FAHAM TENTANG APA YANG BAIK BAGI MASYARAKAT NEGARA INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERPENDAPAT ORANG YANG HENDAK MEMBAKUTKAN SEMATA-MATA KERANA HENDAK MEMBAKUTKAN ADALAH ORANG YANG SUNTUK FIKIRAN DAN TIDAK MEMAHAMI KEHENDAK-KEHENDAK AGAMA.

KATANYA, DALAM AGAMA ISLAM UNATNYA DIKEHENDAKI MENKUT SESUATU BUKAN KERANA ORANG YANG MEMIMPIN, TETAPI KERANA ALIRAN YANG DIBAWANYA.

"YANG PENTING TIDAK APA YANG DISURUH BUKANNYA ORANG YANG MENYURUH," TAMBAH BELIAU DALAM SATU WAWANCARA KHAS DENGAN AKHBAR RASMI BULANAN UMNO -- MERDEKA -- KELUARAN BULAN INI.

BELIAU BERKATA RAKYAT TIDAK HARUS MENGIRA SIAPA, SEKALIPUN UMNO, JIKA IA MENYURUH MEMBUAT SESUATU YANG DITEGAH PATUTLAH DITENTANG.

"TETAPI JIKA IA MENYURUH KITA MEMBUAT BAIK, WALAUPUN KITA TIDAK SUKA KEPADA UMNO, KITA HARUS MENTAATINYA," TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1320/LK.

B583:

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN UMNO ADALAH SEBUAH BADAN YANG PRAGMATIS, SEDERHANA LIBERALNYA DAN BERASAS KEPADA KEBANGSAAN MELAYU YANG MANA KEBANGSAAN INI SECOCOK DENGAN ISLAM.

KATANYA, SOAL PRAGMATIS UMNO DALAM CARA BERTINDAK ADALAH SESUAI DENGAN KEHENDAK ISLAM YANG MEMANG MEMPUYAI UNSUR-UNSUR PRAGMATISME.

BEGITU JUGA DENGAN SIKAP LIBERAL UMNO, IANYA TIDAK BERTENTANGAN DENGAN KEHENDAK AGAMA TETAPI SEBALINYA MEREKA YANG MENENTANG LIBERALISME ADALAH ORANG-ORANG YANG MENENTANG KEHENDAK ISLAM, JELASBELIAU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERPENDAPAT SOAL UMNO LIBERAL DAN PRAGMATIS ADALAH SATU PERA YANG SUBJEKTIF YANG MENGIKUT TANGGAPAN MASING-MASING.

"PASA HEMAT SAYA INI BUKANLAH TERLALU LIBERAL TETAPI ISLAM MEMANG MENYURUH KITA BERLAKU ADIL TERHADAP SEMUA PIHAK, TERMASUK KEPADA ORANG-ORANG BUKAN ISLAM," TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1630/LK

B584

MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENKECAM MEREKA YANG MENUDUH SIKAP KEBANGSAAN UMNO SEBAGAI SESUATU YANG KONONNYA BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

BELIAU MENYESALI KERANA MEREKA YANG BERBUAT DAKWAAN DEMIKIAN, TIDAK SEGAN-SEGAN MENERIMA BANTUAN YANG BERASASKAN KEPADA KEBANGSAAN.

+KEBANYAKAN MEREKA INI MENDAPAT PELAJARAN, KERJA, BANTUAN DAN PELUANG KERANA BANGSA MEREKA... INI MEREKA TERIMA.+

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT INI JELAS MENUNJUKKAN ORANG YANG BERCAKAP DEMIKIAN ADALAH HIPKRIT YANG CUMA BERCAKAP SAHAJA TETAPI TIDAK MENGAMALKANNYA. --BERNAMA 1650/AH